



Sistem

Taksir

Sendiri

NOTA PENERANGAN

## CUKAI PENDAPATAN ORANG PERSEORANGAN

PEMASTAUTIN YANG  
MENJALANKAN  
PERNIAGAAN

Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967  
Bagi Tahun 2011

Ruang	Perkara	Muka Surat
D2	Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga ibu bapa	9
L1	Elaun Jadual 7A	18 & 19
L6	Projek Pengeluaran Makanan Yang Diluluskan	19
	Kod Tuntutan 146	23
	Kod Tuntutan 219	23

BERSAMA

MEMBANGUN

NEGARA

B  
2  
0  
1  
1

Nota ini membantu tuan yang **bermastautin di Malaysia** di bawah seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) atau **dianggap sebagai bermastautin** di bawah subseksyen 7(1B) untuk melengkapkan Borang B bagi Tahun Taksiran 2011. Sila baca nota ini dengan teliti supaya pengisian dan pengisytiharan semua punca pendapatan bagi Tahun Taksiran 2011 adalah benar dan lengkap.

Bagi individu berkahwin yang memilih untuk ditaksir bersama dan mempunyai jumlah pendapatan yang disatukan, sama ada taksiran dibuat atas nama suami atau isteri, kedua-dua suami isteri perlu mengisi Borang B/BE/ yang berasingan.

Semua rekod, helaian kerja dan dokumen tidak perlu disertakan semasa pengembalian Borang B KECUALI bagi kes pembayaran balik, tuan perlu mengemukakan:-

- (i) Helaian Kerja HK-3 mengenai seksyen 51 Akta Kewangan 2007 (dividen);
- (ii) Helaian Kerja HK-6 mengenai tolakan cukai di bawah seksyen 110 (lain-lain); dan
- (iii) Helaian Kerja HK-8/HK-9 (jika berkenaan) berhubung dengan potongan cukai yang telah dibuat di negara asing.

Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

Semua ruangan yang berkaitan perlu diisi dengan **HURUF BESAR dalam kotak yang disediakan** dan menggunakan pen mata bulat berdakwat **hitam**. Biarkan kosong sekiranya ruangan yang disediakan adalah tidak berkenaan.

Laporkan amaun dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM). Amaun di Bahagian E dan Bahagian F perlu diisi dengan nilai sen. Bahagian lain yang melibatkan amaun hanya perlu mengambil kira nilai ringgit sahaja.

Contoh :      Pendapatan Berkanun Perniagaan 1 (ruang C1)                      RM125,955.67  
                   Jumlah Cukai Pendapatan (ruang E3)                                      RM19,322.85

C1	Perniagaan 1	5 2 1 1 1	. . . . . 1 2 5 9 5 5
E3	JUMLAH CUKAI PENDAPATAN ( E2a + E2b + E2c )	E3	. . . . . 1 9 3 2 2 8 5

### MAKLUMAT ASAS

1 - 7	Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Untuk ruangan 'No. Cukai Pendapatan', isikan <b>SG</b> atau <b>OG</b> di petak yang berkenaan dan diikuti dengan no. cukai pendapatan di petak yang disediakan.  Contoh: No. Cukai Pendapatan SG 10234567080														
	<table border="1" style="margin: auto; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">S</td> <td style="padding: 2px;">G</td> <td style="padding: 2px;">1</td> <td style="padding: 2px;">0</td> <td style="padding: 2px;">2</td> <td style="padding: 2px;">3</td> <td style="padding: 2px;">4</td> <td style="padding: 2px;">5</td> <td style="padding: 2px;">6</td> <td style="padding: 2px;">7</td> <td style="padding: 2px;">0</td> <td style="padding: 2px;">8</td> <td style="padding: 2px;">0</td> </tr> </table> <p style="text-align: center; margin-top: 5px;">▲ Isi SG atau OG</p>	S	G	1	0	2	3	4	5	6	7	0	8	0	
S	G	1	0	2	3	4	5	6	7	0	8	0			
8	NO. PASPORT DIDAFTAR DENGAN LHDNM	Isikan no. pasport terakhir yang telah didaftarkan dengan LHDNM iaitu sebelum bertukar pasport semasa.													
<b>KEDUDUKAN CUKAI</b>		Bahagian ini perlu diisi untuk tujuan mempercepatkan pemprosesan borang. Sila tandakan 'X' di petak yang berkenaan (satu petak sahaja) berdasarkan pengiraan cukai di muka surat 7 Borang B.													

BAHAGIAN A		MAKLUMAT INDIVIDU
A1	WARGANEGARA	Isi 'MY' bagi warganegara Malaysia. Sekiranya bukan warganegara Malaysia, sila rujuk kod negara yang disediakan di muka surat 22 nota penerangan ini atau Lampiran E dalam Buku Panduan Borang B.
A2	JANTINA	Isikan '1' untuk lelaki atau '2' untuk perempuan.
A3	STATUS PADA 31-12-2011	Isikan '1' untuk bujang; '2' untuk kahwin; '3' untuk janda/duda; '4' untuk mati.
A4	TARIKH KAHWIN/ CERAI/MATI	Isikan tarikh kahwin jika berkahwin dalam tahun semasa; atau tarikh cerai jika berpisah mengikut undang-undang dalam tahun semasa; atau tarikh kematian mengikut hari, bulan dan tahun.
A5	JENIS TAKSIRAN	<p>Isikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) '1' jika isteri memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami. Isteri tidak perlu mengisi ruang C35 dan C36, Bahagian D, Bahagian E dan Bahagian F Borang B; atau</li> <li>(ii) '2' jika suami memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama isteri. Suami tidak perlu mengisi ruang C35 dan C36, Bahagian D, Bahagian E dan Bahagian F Borang B; atau</li> <li>(iii) '3' jika memilih taksiran berasingan; atau</li> <li>(iv) '4' jika suami / isteri tiada punca pendapatan atau pendapatan dikecualikan cukai; atau</li> <li>(v) '5' jika status individu adalah bujang/janda/duda/simati</li> </ul> <p>Nota: Syarat untuk taksiran bersama:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun asas dan tidak berhenti tinggal bersama dalam tahun asas tersebut;</li> <li>(ii) mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami / isteri;</li> <li>(iii) adalah warganegara Malaysia jika tidak bermastautin;</li> <li>(iv) pengagregatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja.</li> </ul>
A6	KETETAPAN UMUM DIPATUHI	Ketetapan Umum memberi panduan kepada orang awam yang menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya. Sila rujuk senarai Ketetapan Umum di Lampiran H Buku Panduan Borang B. Untuk keterangan lanjut, sila layari laman web LHDNM. Isikan '1' jika setiap ketetapan dipatuhi. Jika satu atau lebih ketetapan tidak dipatuhi, isikan '2'.
A7	PENYIMPANAN REKOD	Ini merujuk kepada penyimpanan rekod yang mencukupi seperti dikehendaki dalam peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967. Isikan '1' jika mematuhi atau '2' jika tidak.
A8	DILULUSKAN OLEH MENTERI SEBAGAI PEKERJA BERPENGETAHUAN	Isikan '1' jika permohonan tuan sebagai pekerja berpengetahuan yang tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian XIV Jadual 1 ACP 1967 telah diluluskan oleh Menteri; atau '2' jika tidak berkenaan. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk P.U.(A) 344/2010 di laman web LHDNM.
A8a	TARIKH DILULUSKAN OLEH MENTERI	Jika A8 = 1, isikan tarikh kelulusan Menteri dalam ruangan ini.

A9	ALAMAT SURAT-MENYURAT	Alamat yang digunakan untuk berurusan dengan LHDNM. Ruangan ini hanya perlu diisi jika terdapat perubahan alamat.
A10	ALAMAT PREMIS PERNIAGAAN	Alamat di mana perniagaan utama dijalankan.
A11	NO. TELEFON	Nombor telefon pejabat/firma ejen cukai/rumah/bimbit.
A12	NO. MAJIKAN E	Isikan nombor rujukan fail cukai pendapatan majikan dalam ruang yang berkenaan.
A13	e-Mel	Alamat e-Mel (jika ada).
A14	ALAMAT LAMAN WEB / BLOG	Alamat laman web atau blog (jika ada)
A15 & A16	NAMA BANK & NO. AKAUN BANK	Untuk tujuan pembayaran balik dikreditkan dari LHDNM (jika ada), nyatakan nama bank dan nombor akaun bank yang berkenaan.
<b>BAHAGIAN B</b>		<b>MAKLUMAT SUAMI / ISTERI</b>
B1 – B7		Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada seorang isteri, sila berikan maklumat isteri-isteri tuan yang lain di lampiran tambahan mengikut format B1 hingga B7 dan kemukakan bersama Borang B.
<b>BAHAGIAN C</b>		<b>PENDAPATAN BERKANUN DAN JUMLAH PENDAPATAN</b>
C1 – C3	PERNIAGAAN	Keuntungan yang diperoleh dari menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion dikenakan cukai.  Perolehan dan keuntungan termasuk terimaan kasar daripada penjualan barang-barang dan terimaan dari pemberian perkhidmatan seperti doktor atau peguam.  Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada 3 perniagaan, sila jumlahkan pendapatan berkanun perniagaan 3 dan seterusnya dan masukkan ke ruang C3. Sila senaraikan mengikut format C1 dan C2 bagi setiap perniagaan dan kemukakan lampiran bersama Borang B. Amaun J5 dari Helaian Kerja HK-1 / amaun N dari Helaian Kerja HK-1C / amaun L dari Helaian Kerja HK-1D
C4 – C6	PERKONGSIAN  ELAUN MODAL	Pembahagian keuntungan/kerugian yang diperoleh dari menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion dikenakan cukai.  Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada 3 perkongsian, sila jumlahkan pendapatan berkanun perkongsian 3 dan seterusnya dan masukkan ke ruang C6. Sila senaraikan mengikut format C4 dan C5 bagi setiap perkongsian dan kemukakan lampiran bersama Borang B. Amaun E/G/J dari Helaian Kerja HK-1B  Sebagai ganti kepada tuntutan susut nilai aset. Kadar elaun bergantung kepada jenis aset. Rujuk Helaian Kerja HK-1.2 hingga HK-1.2A untuk pengiraan.
C8	RUGI PERNIAGAAN BAWA HADAPAN	Kerugian perniagaan/perkongsian dari tahun terdahulu yang belum ditolak dan dibawa ke tahun semasa untuk ditolak daripada punca perniagaan/perkongsian sahaja. Amaun B dari Helaian Kerja HK-1.3. Jika amaun C8 melebihi C7, isikan amaun C7 dalam ruang ini.

Gaji, bonus, yuran pengarah, komisen dan apa-apa perkuisit [seperti skim opsyen saham (Ketetapan Umum No. 4/2004), premium insurans/yuran sekolah dan tuisyen yang dibayar oleh majikan] hendaklah dilaporkan. Perbelanjaan keraian dan perjalanan adalah potongan yang dibenarkan dengan syarat perbelanjaan dilakukan dalam menghasilkan pendapatan penggajian dan dalam menjalankan tugas rasmi. Tuntutan perbelanjaan keraian dihadkan kepada jumlah elaun keraian yang dimasukkan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian. Sekiranya perbelanjaan dibayar ganti oleh majikan, ia tidak merupakan perbelanjaan yang boleh dituntut sebagai potongan dan juga tidak dikenakan cukai.

Amaun N4 dari Helaian Kerja HK-2

**Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat (yang diterima oleh pekerja daripada majikan/bagi pihak majikan) yang dikecualikan cukai mengikut pengumuman Bajet 2009 meliputi:**

*Rujukan: Tambahan Kedua dan Ketiga Kepada Ketetapan Umum No. 1/2006 (Perkuisit Daripada Penggajian), Tambahan Ketiga dan Keempat Kepada Ketetapan Umum No. 2/2004 (Manfaat Berupa Barangan) dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) [P.U.(A) 152/2009]*

	JENIS ELAUN / PERKUISIT / PEMBERIAN / MANFAAT	HAD PENGECEUALIAN (SETAHUN)
(i)	Perkuisit sama ada dalam bentuk tunai atau barangan berkaitan dengan penggajian pekerja berhubung dengan:- (a) pencapaian perkhidmatan lalu; (b) anugerah khidmat cemerlang, anugerah inovasi atau anugerah produktiviti; atau (c) perkhidmatan lama dengan syarat pekerja tersebut telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama. (Perenggan 25c Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967)	Terhad RM2,000
(ii)	Kad petrol, elaun petrol atau elaun perjalanan atau kad tol atau gabungannya atas urusan rasmi. Sekiranya amaun yang diterima melebihi RM6,000 setahun, pekerja boleh membuat potongan selanjutnya bagi amaun yang dibelanjakan untuk tugas rasmi. Rekod berkaitan dengan potongan selanjutnya dan amaun yang dikecualikan hendaklah disimpan untuk tempoh tujuh tahun bagi tujuan audit.	Terhad RM6,000
(iii)	Elaun penjagaan anak bagi anak yang berumur <b>12 tahun dan ke bawah.</b>	Terhad RM2,400
(iv)	Pemberian telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau pembantu digital peribadi (PDA) termasuk kos pendaftaran dan pemasangan yang didaftar atas nama pekerja atau majikan.	Terhad kepada satu unit bagi setiap aset
(v)	Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA atau langganan jalur lebar termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan yang didaftar atas nama pekerja atau majikan.	Terhad kepada satu talian bagi setiap kategori aset
(vi)	Barangan yang merupakan produk boleh guna perniagaan majikan yang diberi secara percuma (diskaun penuh) atau diberi pada harga diskaun sebahagiannya (termasuk manfaat disediakan untuk pasangan dan anak yang belum berkahwin). Nilai barangan adalah berdasarkan harga jualan. Manfaat yang diterima daripada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan majikannya adalah <b>tidak dikecualikan cukai.</b>	Terhad RM1,000

(vii)	Perkhidmatan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun (termasuk manfaat disediakan untuk pasangan dan anak yang belum berkahwin). Manfaat yang diterima daripada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan majikannya adalah <b>tidak dikecualikan cukai</b> .	Terhad kepada amaun diskaun atau perkhidmatan percuma
(viii)	Fi letak kereta atau elaun letak kereta termasuk kadar letak kereta yang dibayar terus kepada pengusaha tempat letak kereta oleh majikan.	Terhad kepada amaun sebenar yang dibelanjakan
(ix)	Elaun makan yang diterima <b>secara tetap</b> , contohnya secara harian atau bulanan, yang diberi pada kadar yang sama kepada semua pekerja. Elaun makan untuk kerja lebih masa atau perjalanan luar kawasan / negara dalam melaksanakan pekerjaan sekiranya diberi berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam pekelling / edaran / arahan dalaman majikan yang dibuat secara bertulis.	
(x)	Manfaat perubatan yang dikecualikan cukai diperluaskan kepada perubatan tradisional dan materniti. Perubatan tradisional bermaksud Perubatan Tradisional Melayu / Cina / India yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan badan yang diperakui atau didaftarkan mengikut peraturan yang mengawal perubatan tradisional seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Contoh: urutan tradisional Melayu, <i>ayurvedic</i> dan akupunktur. Perubatan komplementari dan homeopati tidak termasuk dalam pengecualian ini.	
(xi)	<p>Subsidi faedah pinjaman perumahan, pelajaran atau kenderaan dikecualikan sepenuhnya jika jumlah pinjaman yang diambil secara agregat tidak melebihi RM300,000. Jika amaun pinjaman melebihi RM300,000, amaun subsidi faedah adalah terhad mengikut formula seperti berikut:</p> <p>Di mana; <math display="block">A \times \frac{B}{C}</math></p> <p>A = perbezaan antara amaun faedah yang perlu ditanggung oleh pekerja dengan amaun faedah yang kena bayar oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;</p> <p>B = jumlah agregat baki amaun prinsipal pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran atau RM300,000 yang mana lebih rendah;</p> <p>C = ialah jumlah agregat amaun prinsipal bagi pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja.</p>	
<p><b>PENGECUALIAN CUKAI DI ATAS TIDAK TERPAKAI JIKA PEKERJA MEMPUNYAI KAWALAN KE ATAS MAJIKANNYA</b></p> <p>Sekiranya pekerja mempunyai kawalan ke atas majikannya, elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang diterima oleh pekerja itu adalah dikenakan cukai dan merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar penggajiannya.</p> <p><b>Kawalan ke atas majikan</b> bermaksud :</p> <p>(a) bagi suatu syarikat, kuasa seseorang pekerja itu untuk menjamin, melalui pemegangan saham atau pemilikan kuasa mengundi dalam atau berkenaan syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, atau atas sebab apa-apa kuasa yang diberikan melalui perkara-perkara persatuan atau apa-apa dokumen lain yang mengawal selia syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, bahawa urusan syarikat yang pertama disebut itu dijalankan menurut kehendak pekerja itu;</p> <p>(b) bagi suatu perkongsian, pekerja itu merupakan rakan kongsi majikan itu; atau</p> <p>(c) bagi pemilik tunggal, pekerja dan majikan itu adalah orang yang sama.</p>		
<p><b>Lain-Lain Manfaat Berupa Barangan Yang Dikecualikan Cukai:</b></p> <p>Sila rujuk senarai manfaat berupa barangan yang dikecualikan cukai di Lampiran B3 Buku Panduan B.</p>		

**Ganjaran** - Ganjaran merupakan sejumlah wang yang diterima semasa persaraan/tamat kontrak dan dianggap sebagai hadiah untuk perkhidmatan yang lalu. Rujuk Helaian Kerja HK-2.2 dan Lampiran B1 untuk pengiraan.

Ganjaran berikut dikecualikan dari cukai pendapatan:

**1. Ganjaran persaraan**

- (a) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa persaraan daripada penggajian itu disebabkan oleh keuzuran; Atau
  - (b) Persaraan itu berlaku pada atau selepas seseorang itu mencapai umur 55 tahun atau mencapai umur wajib bersara dari penggajiannya dan telah berkhidmat berturut-turut selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat di dalam kumpulan yang sama; Atau
  - (c) Persaraan itu berlaku apabila mencapai umur wajib bersara di bawah satu kontrak penggajian atau perjanjian kolektif pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.
- 2. Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam** - Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam apabila bersara daripada penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
- 3. Ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak** - Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam kepada pegawai kontrak apabila perkhidmatan kontraknya tamat (walaupun kontraknya diperbaharui).
- 4. Ganjaran kematian** - Wang yang diterima sebagai ganjaran kematian.

**Elaun Cukai** - Cukai yang ditanggung oleh majikan adalah Elaun Cukai yang dikenakan cukai mengikut peruntukan perenggan 13(1)(a) ACP 1967 (Ketetapan Umum No. 2/2006). Rujuk Helaian Kerja HK-2.3 dan Lampiran B2 untuk pengiraan.

**Manfaat Berupa Barangan (MBB)** - Nilai tahunan manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan seperti kereta, minyak, pemandu, kelengkapan rumah, telefon bimbit, hiburan dan kelab rekreasi. Rujuk Helaian Kerja HK-2.4 dan Lampiran B3 untuk pengiraan.

**Nilai Tempat Kediaman** - Nilai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia. Rujuk Helaian Kerja HK-2.5 dan Lampiran B4 untuk pengiraan.

**Bayaran Balik Daripada Skim Pencen Yang Tidak Diluluskan** - Amaun yang dicarum oleh majikan kepada tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan yang diterima oleh pekerja sebelum atau selepas tamat penggajian. Rujuk Helaian Kerja HK-2.6 untuk pengiraan.

**Pampasan** – Pampasan adalah bayaran yang dibuat oleh majikan kepada pekerja disebabkan kehilangan pekerjaan atau sebab-sebab lain. Rujuk Helaian Kerja HK-2.7 dan Lampiran B5 untuk pengiraan. Pampasan berikut dikecualikan dari cukai pendapatan:

- (i) Pampasan yang diterima akibat kehilangan pekerjaan disebabkan oleh keuzuran.
- (ii) Pampasan selain perenggan (i) di atas. Bagi pemberhentian kerja pada atau selepas **1 Julai 2008**, pampasan yang dikecualikan adalah **RM10,000** bagi setiap tahun genap perkhidmatan dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

**Yuran Kepada Badan Profesional** - Yuran kepada badan profesional berhubung keahlian untuk mengekalkan kedudukan profesion berkaitan dan menjalankan pekerjaan dibenarkan sebagai tolakan. Misalnya bayaran profesion perubatan atau guaman.

C11	DIVIDEN	Masukkan pendapatan berpunca dari dividen / pengagihan pendapatan daripada syarikat dan amanah unit [selain dari Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) atau Tabung Amanah Harta (PTF)] yang telah dikenakan cukai atas kadar 25%. Helaian Kerja HK-3 perlu disertakan bersama Borang B sekiranya tuan layak menuntut pembayaran balik seperti di ruangan E14. Amaun C(iii) dari Helaian Kerja HK-3.								
C12	FAEDAH          DISKAUN	<p>Pendapatan faedah yang diterima oleh individu bermastautin daripada wang yang didepositkan dalam institusi berikut adalah dikecualikan cukai:</p> <p>(i) Bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau yang disifatkan dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989;</p> <p>(ii) Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983;</p> <p>(iii) Institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;</p> <p>(iv) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995;</p> <p>(v) Malaysia Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965; dan</p> <p>(vi) Borneo Housing Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.</p> <p>Pendapatan diskaun berpunca daripada pelaburan seperti bil perbendaharaan.</p>								
C13	SEWA    ROYALTI	<p>Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain. Amaun D dari Helaian Kerja HK-4</p> <p>Penerimaan dari penggunaan hak cipta/paten yang melebihi had pengecualian seperti berikut dikenakan cukai:</p> <table border="0"> <thead> <tr> <th style="text-align: left;"><b>Jenis Royalti</b></th> <th style="text-align: right;"><b>Pengecualian (RM)</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni/ rakaman pita/cakera</td> <td style="text-align: right;">10,000</td> </tr> <tr> <td>(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku/ karya Kesusasteraan</td> <td style="text-align: right;">12,000</td> </tr> <tr> <td>(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan/ lukisan asli/penggubahan muzik</td> <td style="text-align: right;">20,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Amaun H dari Helaian Kerja HK-5</p>	<b>Jenis Royalti</b>	<b>Pengecualian (RM)</b>	(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni/ rakaman pita/cakera	10,000	(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku/ karya Kesusasteraan	12,000	(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan/ lukisan asli/penggubahan muzik	20,000
<b>Jenis Royalti</b>	<b>Pengecualian (RM)</b>									
(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni/ rakaman pita/cakera	10,000									
(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku/ karya Kesusasteraan	12,000									
(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan/ lukisan asli/penggubahan muzik	20,000									
C14	PENCEN    ANUITI   BAYARAN BERKALA LAIN	<p>Pencen yang diterima dari Malaysia dikecualikan cukai jika bersara pada umur 55 tahun atau pada umur persaraan wajib di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan atas sebab keuzuran dan pencen tersebut diterima daripada Kerajaan atau skim pencen yang diluluskan. Di mana seseorang mendapat lebih daripada satu pencen, hanya pencen yang tertinggi dikecualikan. Pencen yang lain hendaklah dilaporkan.</p> <p>Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau sesuatu tempoh.</p> <p>Bayaran yang dibuat berulang kali pada masa-masa tertentu.</p>								



C15	APA-APA PEROLEHAN ATAU KEUNTUNGAN LAIN	Pendapatan lain seperti bayaran sekali sekala untuk penyiaran, syarahan, tulisan atau sebagainya yang terbit daripada usaha/pekerjaan sampingan atau sambilan.
C16	TAMBAHAN MENGIKUT PERUNTUKAN PERENGGAN 43(1)(c)	Perolehan-perolehan berikut dianggap pendapatan dan diambil kira di peringkat pendapatan agregat. <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Perolehan berkaitan dengan perbelanjaan operasi mencari gali di bawah Jadual 4 ACP 1967.</li> <li><input type="checkbox"/> Perolehan boleh diambil kira dalam pengiraan cukai jika tuntutan-tuntutan perbelanjaan telah dibuat.</li> <li><input type="checkbox"/> Rujuk kepada perenggan 43(1)(c) dan perenggan 16 Jadual 4 ACP 1967 untuk membuat pengiraan pendapatan yang perlu diambil kira dalam menentukan pendapatan agregat.</li> <li><input type="checkbox"/> Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan.</li> </ul>
C19	RUGI PERNIAGAAN TAHUN SEMASA	Kerugian perniagaan tahun semasa boleh ditolak daripada jumlah pendapatan agregat/terkumpul. <i>Contoh:</i> kerugian perniagaan pada tahun 2011 ditolak daripada pendapatan agregat bagi tahun 2011. Pindahkan amaun E dari Helaian Kerja HK-1.3 ke ruang ini. Amaun C19 terhad kepada amaun C18. Jika amaun C19 melebihi C18, masukkan amaun C18 ke ruang ini.
C21	PERBELANJAAN MENCARI GALI - JADUAL 4 DAN PERENGGAN 44(1)(b)	Seseorang yang menanggung perbelanjaan dalam mencari atau mendapat akses kepada simpanan galian dalam suatu kawasan yang layak, boleh memilih untuk menuntut sebagai potongan. Amaun ini terhad kepada C20. Baki yang tidak boleh diserap oleh C20 dimasukkan ke ruang L3.
C22	PERBELANJAAN LADANG YANG LAYAK - JADUAL 4A DAN PERENGGAN 44(1)(b)	Sila rujuk Peruntukan Kecualian Dan Peralihan bagi Jadual 4A ACP 1967 berkaitan dengan baki perbelanjaan yang tidak dapat diserap sepenuhnya dalam tahun kebelakangan. Amaun ini terhad kepada C20. Baki yang tidak boleh diserap oleh C20 dimasukkan ke ruang L4.
C24 – C31		DERMA DAN HADIAH

#### **Hadiah Wang Kepada Kerajaan / Kerajaan Tempatan**

Hadiah wang tunai kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan. Subseksyen 44(6)

#### **Hadiah Wang Kepada Institusi Atau Organisasi Diluluskan**

Hadiah wang kepada institusi / organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Proviso subseksyen 44(6)

#### **Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Kepada Aktiviti Sukan Atau Badan Sukan Yang Diluluskan**

Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri atau badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Subseksyen 44(11B)

#### **Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Kepada Projek Berkepentingan Negara Yang Diluluskan**

Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Subseksyen 44(11c)

Terhad kepada 7% daripada pendapatan agregat di ruang C18

**Hadiah Artifak, Manuskrip Atau Lukisan**

Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Muzium Malaysia atau Ketua Pengarah Arkib Negara. Subseksyen 44(6A)

**Hadiah Wang Untuk Kemudahan Perpustakaan Atau Kepada Perpustakaan**

Sumbangan wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam, perpustakaan sekolah/institusi pendidikan tinggi. Subseksyen 44(8)

**Hadiah Wang Atau Sumbangan Manfaat Bagi Menyediakan Kemudahan Di Tempat Awam Untuk Orang Yang Kurang Upaya**

Hadiah wang atau sumbangan manfaat berupa barangan yang diberikan oleh individu bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang kurang upaya berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Subseksyen 44(9)

**Hadiah Wang Atau Kos Peralatan Perubatan Kepada Mana-Mana Badan Rawatan Kesihatan**

Hadiah wang atau kos peralatan perubatan tidak melebihi RM20,000 yang diberikan kepada mana-mana badan rawatan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Subseksyen 44(10)

**Hadiah Lukisan Kepada Balai Seni Lukis Negara Atau Balai Seni Lukis Negeri**

Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri. Subseksyen 44(11)

C33	PENDAPATAN PERINTIS KENA CUKAI	Taraf perintis adalah insentif percukaian yang terkandung dalam seksyen 5 hingga seksyen 25 Akta Penggalakan Pelaburan (APP) 1986. Ianya memberi pengecualian cukai kepada individu untuk keseluruhan atau sebahagian pendapatan perniagaan yang berupa aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan berhubung dengan <b>pertanian</b> . Rujuk Helaian Kerja HK-1E untuk mendapatkan jumlahnya.
C35	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPINDAHKAN DARI SUAMI / ISTERI* BAGI TAKSIRAN BERSAMA  * JENIS PENDAPATAN SUAMI / ISTERI YANG DIPINDAHKAN	<b>RUANG C35 DAN C36 HANYA PERLU DIISI OLEH INDIVIDU DI MANA TAKSIRAN BERSAMA DIKELUARKAN ATAS NAMANYA.</b> Pindahkan jumlah pendapatan suami / isteri yang ingin disatukan bersama jumlah pendapatan individu ke ruang ini. Nota: Isi '1' jika pendapatan suami / isteri yang dipindahkan terdapat punca pendapatan perniagaan atau '2' jika tiada.  Ruang C35 dan C36 <b>TIDAK PERLU</b> diisi jika: (i) status individu adalah bujang/janda/duda (ii) suami / isteri tiada punca pendapatan atau pendapatan dikecualikan cukai (iii) memilih taksiran berasingan (iv) memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas <b>nama suami / isteri</b>
<b>BAHAGIAN D</b>		<b>PELEPASAN</b>
D1	INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGUNGAN	Pelepasan diri berjumlah RM9,000 untuk diri sendiri dan saudara tanggungan diberi secara automatik. Perenggan 46(1)(a)
D2	PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN, KEPERLUAN KHAS DAN PENJAGA IBU BAPA	Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga ibu bapa dibenarkan sebagai potongan terhad kepada RM5,000. Perenggan 46(1)(c). Perbelanjaan perubatan yang layak termasuk: (i) rawatan perubatan dan penjagaan yang diperuntukkan oleh rumah penjagaan; dan (ii) rawatan pergigian dihadkan kepada mencabut gigi, menampal gigi, membersihkan karang gigi tetapi tidak termasuk rawatan kosmetik.

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuntutan mestilah disokong oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa memerlukan rawatan perubatan atau keperluan khas atau penjaga.</li> <li>• Ibu bapa mestilah bermastautin di Malaysia.</li> <li>• Rawatan perubatan dan perkhidmatan penjaga disediakan dalam Malaysia.</li> </ul> <p>Dalam kes penjaga, mestilah dibuktikan dengan perakuan bertulis, resit atau salinan permit kerja penjaga.</p> <p>“Penjaga” adalah tidak termasuk individu, suami / isteri atau anak individu berkenaan.</p>
D3	PERALATAN SOKONGAN ASAS	Pembelian alat sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya dibenarkan sebagai potongan terhad kepada RM5,000. Alat sokongan asas termasuk mesin haemodialysis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi tidak termasuk cermin dan kanta mata. Perenggan 46(1)(d)
D4	INDIVIDU YANG KURANG UPAYA	Pelepasan tambahan RM6,000 diberi kepada individu yang kurang upaya. Perenggan 46(1)(e)
D5	YURAN PENDIDIKAN (SENDIRI)	Bayaran yuran tahunan terhad kepada RM5,000 dibenarkan sebagai potongan untuk kursus pembelajaran di institusi atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan bagi maksud meningkatkan kemahiran atau kelayakan: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) sehingga ke peringkat tertiar (selain Sarjana dan Doktor Falsafah) – dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi; atau</li> <li>(ii) peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah – sebarang bidang atau kursus pengajian</li> </ul> Perenggan 46(1)(f)
D6	PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI PENYAKIT YANG SUKAR DIUBATI	Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati bermaksud rawatan dibuat ke atas penyakit seperti sindrom kurang daya tahan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa yang lain. ‘Lain-lain penyakit yang serupa’ termasuk serangan jantung, pulmonary hypertension, penyakit hati kronik, fulminant viral hepatitis, trauma kepala dengan defisit neurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melepuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ, pemotongan kaki dan/atau tangan. Perbelanjaan ini dihadkan kepada RM5,000 untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak. Perenggan 46(1)(g)
D7	PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH	Pemeriksaan perubatan penuh bermaksud pemeriksaan secara menyeluruh dibenarkan sebagai potongan terhad kepada RM500 untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak tetapi jumlah pelepasan untuk D6 dan D7 adalah terhad kepada RM5,000. Perenggan 46(1)(h)

D8	PEMBELIAN BUKU/MAJALAH/ JURNAL/PENERBITAN	Perbelanjaan pembelian mana-mana buku, majalah, jurnal atau penerbitan (dalam bentuk <i>hardcopy</i> atau elektronik tetapi tidak termasuk surat khabar atau bahan bacaan yang terlarang) untuk individu, suami / isteri atau anak dibenarkan sebagai potongan terhad kepada RM1,000. Perenggan 46(1)(i)
D9	PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI UNTUK INDIVIDU	Potongan cukai terhad kepada RM3,000 diberi kepada individu atas perbelanjaan yang dilakukan ke atas pembelian komputer peribadi. Tiada potongan dibenarkan jika komputer peribadi dibeli untuk digunakan bagi maksud perniagaan. Potongan ini diberikan sekali dalam setiap 3 tahun. Perenggan 46(1)(j)
D10	TABUNGAN BERSIH DALAM SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)	Simpanan ke dalam tabung SSPN untuk membiayai pelajaran anak-anak diberi potongan kepada individu terhad kepada RM3,000 setahun. Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih yang dilakukan di dalam sesuatu tahun sahaja. Contoh: Dalam tahun 2011, Baki Bawa Hadapan: RM4,500. Simpanan: RM2,000. Pengeluaran: RM1,500. Potongan yang layak dituntut adalah <b>RM500</b> (RM2,000 – RM1,500). Baki Bawa Hadapan sebanyak RM4,500 tidak diambil kira. Perenggan 46(1)(k)
D11	PEMBELIAN PERALATAN SUKAN UNTUK AKTIVITI SUKAN	Potongan cukai terhad kepada RM300 diberi atas pembelian peralatan sukan yang dilakukan oleh individu untuk aktiviti sukan mengikut jenis sukan yang disenaraikan dalam Akta Pembangunan Sukan 1997. Peralatan sukan termasuk alat-alat yang mempunyai jangka hayat yang singkat seperti bola golf dan bulu tangkis tetapi <b>tidak termasuk</b> pakaian sukan, contoh: pakaian renang dan kasut sukan. Perenggan 46(1)(l)
D12	YURAN LANGGANAN PERKHIDMATAN INTERNET JALUR LEBAR	Potongan cukai terhad kepada RM500 setahun diberi kepada individu bagi bayaran langganan jalur lebar yang didaftar atas nama individu. Potongan dibenarkan untuk Tahun Taksiran 2010, 2011 dan 2012. Perenggan 46(1)(m)
D13	FAEDAH PINJAMAN PERUMAHAN	Potongan cukai terhad kepada RM10,000 setiap tahun asas bagi 3 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tarikh faedah mula dibayar. Syarat kelayakan: (i) pemastautin warganegara Malaysia; (ii) pembelian rumah kediaman terhad kepada satu unit sahaja; (iii) perjanjian jual beli ditandatangani dalam tempoh 10 Mac 2009 sehingga 31 Disember 2010; dan (iv) rumah kediaman tersebut tidak disewakan.  Di mana: (a) 2 atau lebih individu layak menuntut potongan bagi sebuah rumah kediaman; dan (b) jumlah faedah yang dibelanjakan oleh kesemua individu berkenaan melebihi amaun yang dibenarkan dalam tahun itu, setiap individu dibenarkan suatu potongan bagi setiap tahun mengikut formula berikut:  $A \times \frac{B}{C}$

		<p>Di mana;</p> <p>A = jumlah faedah dibenarkan dalam tahun berkenaan;</p> <p>B = jumlah faedah dibelanjakan oleh individu berkenaan dalam tahun berkenaan;</p> <p>C = jumlah faedah dibelanjakan oleh kesemua individu dalam tahun berkenaan.</p> <p>Seksyen 46B</p>																								
D14	SUAMI / ISTERI / BAYARAN ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI	<p>Pelepasan suami diberi sebanyak RM3,000 bagi suami yang tiada punca pendapatan/tiada jumlah pendapatan atau suami memilih taksiran bersama. Seksyen 45A</p> <p>Pelepasan diberi sebanyak RM3,000 bagi isteri yang tinggal bersama dalam tahun asas, isteri tiada punca pendapatan/jumlah pendapatan atau isteri memilih taksiran bersama. Perenggan 47(1)(a)</p> <p>Bayaran nafkah kepada bekas isteri layak untuk pelepasan tetapi jumlah pelepasan untuk isteri dan bayaran alimoni kepada bekas isteri adalah <b>terhad kepada RM3,000</b>. Bayaran nafkah secara sukarela kepada bekas isteri di bawah perjanjian bersama tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak layak dituntut sebagai potongan. Subseksyen 47(2) dan 47(3)</p>																								
D15	SUAMI / ISTERI YANG KURANG UPAYA	Pelepasan tambahan sebanyak RM3,500 diberi kepada seorang suami / isteri yang kurang upaya. Perenggan 47(1)(b) dan seksyen 45A																								
D16	<p>Bilangan anak layak mendapat pelepasan</p> <p>Bilangan anak dituntut oleh diri sendiri</p> <p>Bilangan anak dituntut oleh suami / isteri</p>	<p>Isikan jumlah bilangan anak yang layak dituntut pelepasan oleh individu dan suami / isteri (termasuk kelayakan 50%*).</p> <p>Isikan jumlah bilangan anak yang dituntut pelepasan oleh individu dalam ruangan ini.</p> <p>Isikan jumlah bilangan anak yang dituntut pelepasan oleh suami / isteri bagi taksiran berasingan.</p> <p>Rujuk Helaijan Kerja HK-13 untuk pengiraan.</p> <p><u>Kelayakan 100%</u> - Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut potongan anak sepenuhnya.</p> <p>* <u>Kelayakan 50%</u> - Ruang ini untuk diisi di mana dua atau lebih individu (<b>bukan suami isteri yang tinggal bersama</b>) layak menuntut potongan ke atas bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama dan setiap individu tersebut layak menuntut separuh dari potongan yang dibenarkan. Subseksyen 48(4)</p> <p>Bagi <b>Taksiran Berasingan</b>, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing. Contoh: Ali mempunyai 5 orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Ali</th> <th>Isteri</th> <th></th> <th>Ali</th> <th>Isteri</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td>5</td> <td>0</td> <td>(iv)</td> <td>2</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td>4</td> <td>1</td> <td>(v)</td> <td>1</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td>3</td> <td>2</td> <td>(vi)</td> <td>0</td> <td>5</td> </tr> </tbody> </table>		Ali	Isteri		Ali	Isteri	(i)	5	0	(iv)	2	3	(ii)	4	1	(v)	1	4	(iii)	3	2	(vi)	0	5
	Ali	Isteri		Ali	Isteri																					
(i)	5	0	(iv)	2	3																					
(ii)	4	1	(v)	1	4																					
(iii)	3	2	(vi)	0	5																					
D16a	ANAK - DI BAWAH UMUR 18 TAHUN	Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur di bawah 18 tahun dalam tahun semasa adalah sebanyak RM1,000. Perenggan 48(1)(a) & 48(2)(a)																								

D16b	ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS YANG MASIH BELAJAR	<input type="checkbox"/> Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas dan menerima pendidikan sepenuh masa adalah sebanyak RM1,000. Perenggan 48(1)(b) & 48(2)(a) ; atau <input type="checkbox"/> Pelepasan sebanyak RM4,000 bagi anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas tertakluk kepada syarat-syarat berikut: (i) mengikuti kursus di peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>dalam Malaysia</b> (tidak termasuk kursus matrikulasi/pra-ijazah). (ii) mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>luar Malaysia</b> . (iii) kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan. Subperenggan 48(3)(a)(i)
D16c	ANAK - KURANG UPAYA	Pelepasan untuk anak yang kurang upaya dibenarkan sebanyak RM5,000. Perenggan 48(1)(d) & 48(2)(b). Pelepasan tambahan sebanyak RM4,000 bagi anak yang kurang upaya dan belum berkahwin serta berumur 18 tahun dan ke atas tertakluk kepada syarat-syarat berikut: (i) mengikuti kursus di peringkat diploma ke atas di institusi pengajian tinggi <b>dalam Malaysia</b> (tidak termasuk kursus matrikulasi/pra-ijazah). (ii) mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>luar Malaysia</b> . (iii) kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan. Individu layak mendapat pelepasan anak <b>RM9,000</b> sekiranya syarat di atas dipatuhi. Subperenggan 48(3)(a)(ii)
D17	<b>INSURANS NYAWA DAN KWSP</b> Rujuk Helaiian Kerja HK-14 untuk pengiraan. <input type="checkbox"/> Premium insurans yang dibayar atas polisi yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri dibenarkan pelepasan cukai. Premium insurans atas nyawa anak tidak dibenarkan pelepasan. <input type="checkbox"/> Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau kumpulan wang lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. <input type="checkbox"/> Jumlah pelepasan untuk premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP atau kumpulan wang lain yang diluluskan adalah terhad kepada RM6,000 untuk individu dan RM6,000 untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Sekiranya suami atau isteri memilih <b>taksiran bersama</b> , premium insurans dan KWSP adalah terhad kepada <b>RM6,000</b> . Perenggan 49(1)(a), 49(1)(b), 49(1)(c), 49(1A)(b) <i>Contoh:</i> Premium insurans dibayar oleh suami RM300 dan isteri RM6,500 dan pembayar cukai memilih taksiran bersama. Jumlah dibenarkan adalah terhad kepada <b>RM6,000</b> dan <b>bukannya RM6,800</b> . Dalam keadaan suami tidak mempunyai jumlah pendapatan, isteri akan ditaksir berasingan sebagai individu dan apa-apa perbelanjaan premium insurans oleh suami dianggap dibayar oleh isteri dan tuntutan potongan dibenarkan kepada jumlah terhad sahaja. Walau bagaimanapun bagi caruman KWSP yang dibuat oleh suami dan suami tiada jumlah pendapatan, potongan bagi caruman KWSP tersebut tidak boleh dibenarkan ke atas pendapatan isteri. Begitu juga sekiranya isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan. Subseksyen 50(2) dan 50(3)	

D18	<b>ANUITI TERTUNDA ('DEFERRED ANNUITY')</b>				
	Pelepasan tambahan dibenarkan ke atas bayaran premium untuk anuiti tertunda ( <i>deferred annuity</i> ) yang dibuat pada atau selepas <b>01/01/2010</b> , menjadikan jumlah pelepasan yang dibenarkan bagi D17 dan D18 adalah terhad kepada <b>RM7,000</b> .				
	Walau bagaimanapun, jumlah pelepasan yang dibenarkan ke atas insurans nyawa dan KWSP (ruangan D17) adalah terhad kepada RM6,000. Subseksyen 49(1A).				
	Contoh:				
	Individu	Insurans Nyawa Dan KWSP (RM)	Pelepasan Dibenarkan [Ruang D17] (RM)	Anuiti Tertunda Baru / Tambahan Kepada Anuiti Asal Yang Dibeli Pada Atau Selepas 01/01/2010 (RM)	Jumlah Pelepasan Dibenarkan (RM)
	A	6,500	6,000	1,200	7,000
	B	8,000	6,000	800	6,800
	C	5,000	5,000	1,500	6,500

D19	INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN	Pelepasan tidak melebihi RM3,000 bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau faedah perubatan untuk individu, suami, isteri atau anak. Subseksyen 49(1B). Rujuk Helaian Kerja HK-14 untuk pengiraan.
-----	-----------------------------------	---

<b>BAHAGIAN E</b>	<b>CUKAI KENA DIBAYAR</b>
-------------------	---------------------------

E1	PENDAPATAN BERCUKAI	Amaun C34 tolak D20 atau C36 tolak D20. Isi "0" jika nilai adalah negatif.
E2a	Pendapatan Bercukai Tertakluk Kepada Bahagian XIV Jadual 1	<b>ISI RUANGAN INI JIKA A8 = 1.</b>  Hanya individu yang telah diluluskan oleh Menteri sebagai pekerja berpengetahuan layak mengisi ruangan ini.  Ruangan ini tidak perlu diisi jika A8 = 2.
E2b & E2c	Pengiraan Cukai Pendapatan Atas Pendapatan Bercukai Yang Tertakluk Kepada Bahagian I Jadual 1	Bagi pendapatan bercukai yang <b>Tidak Tertakluk</b> kepada Bahagian XIV Jadual 1 (E2a), ia hendaklah disesuaikan dengan banjaran pendapatan bercukai mengikut Jadual Cukai di muka surat 22 nota penerangan ini.

**CARA PENGISIAN RUANGAN E2a, E2b DAN E2c**

**Contoh I:**

A8 = 2

Pendapatan Bercukai di E1 : RM220,000

**Ruangan E2a tidak perlu diisi kerana tidak berkenaan.**

**Pendapatan Bercukai Yang Tertakluk Kepada Bahagian I Jadual 1 = RM220,000**

[Rujuk kategori I Jadual Cukai]

Masukkan di ruang E2a, E2b, E2c dan E3 dalam Borang B seperti berikut:

<b>E2a</b>	=	<input type="text" value=""/>	Atas Kadar	<input type="text" value="15%"/>
<b>E2b</b>	Cukai ke atas yang pertama	<input type="text" value="1 0 0 0 0 0"/>		<input type="text" value="1 4 3 2 5 0 0"/>
<b>E2c</b>	Cukai ke atas baki	<input type="text" value="1 2 0 0 0 0"/>	Atas Kadar (%)	<input type="text" value="2 6"/>
<b>E3</b>	JUMLAH CUKAI PENDAPATAN ( E2a + E2b + E2c )		E3	<input type="text" value="4 5 5 2 5 0 0"/>

**Contoh II:**

A8 = 1

Pendapatan Bercukai di E1 : RM220,000  
 Pendapatan kasar daripada penggajian dengan syarikat yang ditetapkan : RM250,000  
 Jumlah pendapatan kasar daripada semua punca : RM250,000

**Pendapatan Bercukai Tertakluk Kepada Bahagian XIV Jadual 1 (15%)**

$$= \frac{250,000}{250,000} \times 220,000$$

$$= 220,000$$

Ruangan E2b dan E2c tidak perlu diisi kerana tidak berkenaan.

Masukkan di ruang E2a, E2b, E2c dan E3 dalam Borang B seperti berikut:

<b>E2a</b>	=	<input type="text" value="2 2 0 0 0 0"/>	Atas Kadar	<input type="text" value="15%"/>
<b>E2b</b>	Cukai ke atas yang pertama	<input type="text" value=""/>		<input type="text" value="3 3 0 0 0 0 0"/>
<b>E2c</b>	Cukai ke atas baki	<input type="text" value=""/>	Atas Kadar (%)	<input type="text" value=""/>
<b>E3</b>	JUMLAH CUKAI PENDAPATAN ( E2a + E2b + E2c )		E3	<input type="text" value="3 3 0 0 0 0 0"/>

**Contoh III:**

A8 = 1

Pendapatan Bercukai di E1 : RM220,000  
 Pendapatan kasar daripada penggajian dengan syarikat yang ditetapkan : RM180,000  
 Jumlah pendapatan kasar daripada semua punca : RM250,000

**Pendapatan Bercukai Tertakluk Kepada Bahagian XIV Jadual 1 (15%)**

$$= \frac{180,000}{250,000} \times 220,000$$

$$= RM158,400$$

**Pendapatan Bercukai Yang Tertakluk Kepada Bahagian I Jadual 1**

$$= RM220,000 - RM158,400$$

$$= RM61,600 \text{ [Rujuk Kategori G Jadual Cukai]}$$



Masukkan di ruang E2a, E2b, E2c dan E3 dalam Borang B seperti berikut:

<b>E2a</b>	=	<input type="text" value="158400"/>	Atas Kadar <b>15%</b>	<input type="text" value="237600"/>
<b>E2b</b>	Cukai ke atas yang pertama	<input type="text" value="5000"/>		<input type="text" value="332500"/>
<b>E2c</b>	Cukai ke atas baki	<input type="text" value="11600"/>	Atas Kadar (%) <b>19</b>	<input type="text" value="220400"/>
<b>E3</b>	JUMLAH CUKAI PENDAPATAN ( E2a + E2b + E2c )		<b>E3</b>	<input type="text" value="292890"/>

E4	REBAT CUKAI INDIVIDU	Rebat cukai individu adalah sebanyak RM400 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000. Perenggan 6A(2)(a)
E5	REBAT CUKAI SUAMI / ISTERI	Rebat cukai suami / isteri adalah sebanyak RM400 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 dan telah dibenarkan pelepasan suami / isteri sebanyak RM3,000. Perenggan 6A(2)(b) / Perenggan 6A(2)(c)
E6	ZAKAT ATAU FITRAH	Bayaran zakat atau fitrah yang dibuat dalam tahun asas. Subseksyen 6A(3)
E9	TOLAKAN CUKAI SEKSYEN 51 AKTA KEWANGAN 2007 (DIVIDEN)	Sertakan Helaian Kerja HK-3 sekiranya tuan layak menuntut pembayaran balik seperti di ruang E14 Borang B. Amaun D dari Helaian Kerja HK-3
E10	TOLAKAN CUKAI SEKSYEN 110 (LAIN-LAIN)	Sila buat pengiraan di Helaian Kerja HK-6 untuk tolakan cukai seksyen 110 ke atas lain-lain pendapatan seperti faedah, royalti, pendapatan seksyen 4A dan pendapatan daripada amanah. Sertakan Helaian Kerja HK-6 sekiranya tuan layak menuntut pembayaran balik. Amaun B dari Helaian Kerja HK-6
E11	PELEPASAN CUKAI SEKSYEN 132	Tolakan cukai berhubung dengan pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Rujuk Lampiran F Buku Panduan B untuk menentukan negara-negara yang memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-8 untuk membuat pengiraan kredit.
E12	PELEPASAN CUKAI SEKSYEN 133	Tolakan cukai berhubung dengan pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Negara-negara ini tidak memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-9 untuk membuat pengiraan kredit.
<b>BAHAGIAN F</b>		<b>KEDUDUKAN CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2011</b>
F1	CUKAI KENA DIBAYAR	Amaun dari E13. Sila isi '0' dalam ruang ini jika layak mendapat bayaran balik seperti di ruang E14.

F2	ANSURAN/PCB YANG TELAH DIBAYAR UNTUK PENDAPATAN TAHUN 2011 - SENDIRI DAN SUAMI / ISTERI BAGI TAKSIRAN BERSAMA	<p>Guna Helaiian Kerja HK-10 untuk membuat pengiraan. Bayaran ini <b>tidak termasuk</b> amaun tunggakan di mana amaun tersebut akan diambil kira untuk cukai tahun taksiran kebelakangan.</p> <p>Potongan Cukai Bulanan untuk <b>bonus dan fi pengarah</b> yang dibuat dalam tahun 2011 (termasuk untuk tahun kebelakangan yang dibayar dalam tahun 2011) hendaklah dimasukkan dalam ruangan ini.</p> <p>Pindahkan amaun E dari Helaiian Kerja HK-10 ke ruang ini.</p> <p>Bagi Taksiran Bersama - jumlahkan bayaran ansuran/PCB yang telah dibayar oleh suami dan isteri dan masukkan ke dalam ruang ini.</p>
F3	BAKI CUKAI KENA DIBAYAR	<p>Jelaskan baki ini dalam tempoh yang ditetapkan. Pembayaran boleh dibuat di:</p> <p>(a) Bank</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), Malayan Banking Berhad (Maybank), <b>EON Bank</b> dan <b>Affin Bank Berhad (ABB)</b> dengan menggunakan slip bayaran yang disediakan oleh bank.</li> <li>- perbankan internet CIMB, PBB, Maybank, EON Bank dan perbankan telefon Maybank.</li> <li>- <i>Auto Teller Machine</i> (ATM) PBB, Maybank &amp; CIMB, Mesin Deposit Cek PBB dan Mesin Deposit Tunai CIMB.</li> </ul> <p>(b) LHDNM</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- e-Bayaran melalui FPX (<i>Financial Process Exchange</i>) di laman web LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a></li> <li>- kaunter bayaran LHDNM atau melalui pos dengan menggunakan Slip Pengiriman Bayaran (CP501) yang dilampirkan bersama borang.</li> </ul> <p>(c) Pos Malaysia Berhad - Kaunter dan Pos Online</p> <p>Jika jumlah F2 melebihi F1, isikan '0' di ruang ini.</p>
F4	CUKAI TERLEBIH BAYAR	Amaun F2 tolak F1
Selepas selesai pengiraan cukai sehingga Bahagian F, tuan dinasihatkan supaya mengisi Bahagian "Kedudukan Cukai" di muka surat 1 Borang B.		
<b>BAHAGIAN G</b>		<b>PENDAPATAN TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN</b>
G1 – G3	<p>Pendapatan yang diterima berkenaan sesuatu tahun terdahulu yang belum dilaporkan.</p> <p>Contoh: bayaran tunggakan gaji. Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.</p> <p><b>Pendapatan bonus dan fi pengarah</b> adalah sebahagian daripada pendapatan kasar dalam tahun asas ia diterima dan ditaksir dalam tahun asas ia diterima.</p>	
<b>BAHAGIAN H</b>		<b>MAKLUMAT PENTADBIR HARTA PUSAKA</b>

H1 – H6	Isikan maklumat yang berkenaan sahaja.	
<b>BAHAGIAN J</b>		<b>MAKLUMAT PENDAPATAN PERNIAGAAN</b>
J1a	BAKI KERUGIAN TAHUN SEMASA	Kerugian perniagaan/perkongsian tahun semasa yang tidak diserap. Amaun F dari Helaian Kerja HK-1.3
J1b	BAKI KERUGIAN TAHUN KEBELAKANGAN	Baki kerugian tahun sebelum yang tidak diserap. Amaun C dari Helaian Kerja HK-1.3
J1c	KERUGIAN HANTAR HADAPAN	J1a campur J1b Amaun G dari Helaian Kerja HK-1.3
J1d	KERUGIAN PERINTIS  Amaun diserap  Baki hantar hadapan	Kerugian perniagaan perintis hendaklah disimpan berasingan daripada kerugian perniagaan lain kerana ianya hanya boleh diserap oleh perniagaan pendapatan perintis sahaja.  Masukkan amaun kerugian perintis yang telah diserap dalam ruang ini. Amaun D dari Helaian Kerja HK-1.4  Masukkan amaun baki kerugian yang belum diserap di ruang ini. Amaun E dari Helaian Kerja HK-1.4
J2a – J2f	ELAUN MODAL  Elaun diserap  Baki hantar hadapan	Elaun modal yang dituntut dalam pengiraan pendapatan berkanun perniagaan dan perkongsian.  Elaun modal yang diserap dalam tahun semasa. Amaun K5 dari Helaian Kerja HK-1 / amaun K4 dari Helaian Kerja HK-1B / amaun Q5 dari Helaian Kerja HK-1C / amaun N5 dari Helaian Kerja HK-1D  Amaun K6 dari Helaian Kerja HK-1 / amaun K5 dari Helaian Kerja HK-1B / amaun Q6 dari Helaian Kerja HK-1C / amaun N6 dari Helaian Kerja HK-1D
J3a – J3e	<b>MAKLUMAT CUKAI PEGANGAN</b>	
<p><b>Seksyen 107A</b> – Bayaran kontrak kepada kontraktor bukan mastautin. Kadar cukai pegangan mengikut ACP 1967:</p> <p>10% atas jumlah kasar berhubung cukai yang kena atau boleh dibayar oleh kontraktor tersebut</p> <p><b>Campur</b> 3% atas jumlah kasar berhubung cukai yang kena atau boleh dibayar oleh pekerja-pekerja kontraktor tersebut.</p> <p><b>Seksyen 109</b> – Bayaran faedah/royalti kepada seseorang bukan pemastautin. Kadar cukai adalah seperti yang ditetapkan dalam Bahagian II, Jadual 1 ACP 1967 kecuali jika terdapat kadar berbeza yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali. Rujuk Lampiran F dalam Buku Panduan B.</p> <p><b>Seksyen 109A</b> – Bayaran berkenaan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia oleh seseorang penghibur awam. Kadar cukai pegangan adalah 15% atas jumlah kasar (Bahagian II Jadual 1 ACP 1967).</p> <p><b>Seksyen 109B</b> – Bayaran jenis kelas khas di bawah seksyen 4A kepada seseorang bukan pemastautin. Kadar cukai pegangan seperti yang ditetapkan dalam Bahagian V, Jadual 1 ACP 1967 kecuali jika terdapat kadar berbeza yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali. Rujuk Lampiran F Buku Panduan B.</p> <p><b>Seksyen 109F</b> – Bayaran kepada seseorang bukan pemastautin berhubung pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP 1967 adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas jumlah</p>		

kasar seperti ditetapkan dalam Bahagian XIII Jadual 1 ACP 1967.

**JUMLAH KASAR DIBAYAR**

Jumlah bayaran kasar yang dibuat sebelum apa-apa tolakan.

**JUMLAH CUKAI YANG DIPEGANG DAN DIREMIT KEPADA LHDNM**

Peraturan dan prosedur membuat bayaran kepada Cawangan Pungutan LHDNM hendaklah dipatuhi.

BAHAGIAN K		PERBELANJAAN KHAS, POTONGAN SELANJUTNYA DAN POTONGAN DUA KALI
K1 – K5		Gunakan kod tuntutan yang disediakan di muka surat 23 nota ini.
BAHAGIAN L		TUNTUTAN INSENTIF / PENDAPATAN DIKECUALIKAN
L1	ELAUN JADUAL 7A	<p>Insentif ini diberi kepada peniaga individu yang menjalankan perniagaan penternakan ayam dan itik yang menukar daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup; atau membesarkan sistem reban tertutup sedia ada yang diluluskan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [perenggan 1c dan subperenggan 8(d) Jadual 7A ACP 1967]</p> <p>Insentif ini boleh dituntut sekiranya terdapat baki elaun Jadual 7A yang belum diserap sepenuhnya (perenggan 4 Jadual 7A).</p> <p>Rujuk kepada perenggan 3 Jadual 7A ACP 1967 serta Helaian Kerja HK-1B / HK-1C (yang mana berkaitan) untuk membuat pengiraan. Simpan dokumen asal berhubung dengan perbelanjaan modal yang layak serta borang permohonan dan pengiraan elaun tersebut untuk semakan.</p>
L2	ELAUN PENINGKATAN EKSPORT PERKHIDMATAN	Rujuk kepada perkara 2, 3 dan 6 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2002 [P.U. (A) 57] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2006 [P.U. (A) 275] untuk menentukan kelayakan serta Helaian Kerja HK-1B / HK-1D untuk membuat pengiraan.
L3	PERBELANJAAN JADUAL 4	Baki perbelanjaan yang tidak dapat diserap sepenuhnya dalam tahun semasa (baki hantar hadapan) hendaklah dimasukkan ke ruang ini.
L4	PERBELANJAAN JADUAL 4A	Baki perbelanjaan yang tidak dapat diserap sepenuhnya dalam tahun semasa (baki hantar hadapan) hendaklah dimasukkan ke ruang ini.
L5	PENDAPATAN PERINTIS	<b>Amaun dikecualikan</b> - Pindahkan amaun/bahagian pendapatan yang dikecualikan cukai iaitu amaun M4 dari Helaian Kerja HK-1E ke ruang ini.
L6	PROJEK PENGELUARAN BAHAN MAKANAN YANG DILULUSKAN	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2006 [P.U. (A) 51] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2011 [P.U. (A) 166] berkaitan. Sila masukkan pendapatan berkanun yang dikecualikan dalam ruang ini.
BAHAGIAN M		MAKLUMAT KEWANGAN ORANG PERSEORANGAN

M1	NAMA PERNIAGAAN	Isi nama perniagaan bagi perniagaan utama sahaja. Jika mempunyai lebih dari satu perniagaan utama, isi nama perniagaan yang mempunyai perolehan terbesar.
M1A	KOD PERNIAGAAN	Isi kod perniagaan (seperti dalam Lampiran G Buku Panduan Borang B) bagi perniagaan utama sahaja. Jika mempunyai lebih dari satu perniagaan utama, isi kod perniagaan yang mempunyai perolehan terbesar.
M2	JUALAN ATAU PEROLEHAN	Pendapatan kasar termasuk pendapatan terakru daripada jualan, fi dan terimaan lain.
M3	STOK AWAL	Stok barangan siap seperti dalam Akaun Perdagangan.
M4	BELIAN DAN KOS PENGELUARAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah belian kasar tolak diskaun dan rebat berkaitan dengan perniagaan utama.</li> <li>Kos pengeluaran daripada Akaun Pengilangan.</li> </ul>
M5	STOK AKHIR	Stok barangan siap seperti dalam Akaun Perdagangan.
M6	KOS JUALAN	Jumlah (M3 campur M4 tolak M5). Isikan "0" jika tiada.
M7	UNTUNG / RUGI KASAR	M2 tolak M6. Tandakan "X" di kotak yang disediakan jika rugi.
M8	PERNIAGAAN LAIN	Jumlah jualan atau perolehan dari punca selain dari M1. Untuk pendapatan perkongsian – Amaun dari ruang A13 CP30
M9 – M11	DIVIDEN, FAEDAH DAN DISKAUN, SEWA, ROYALTI DAN PREMIUM	Pendapatan kasar dari punca berkenaan.
M12	PENDAPATAN LAIN	Jumlah semua pendapatan kasar dari punca bukan perniagaan yang tidak disenaraikan di atas.
M14 – M23	PERBELANJAAN	Amaun seperti dalam Akaun Untung Rugi. <b>Faedah Pinjaman</b> - Jumlah semua perbelanjaan faedah kecuali faedah sewa beli dan faedah pajakan.
M25	UNTUNG / RUGI BERSIH	Untung atau Rugi Bersih seperti yang ditunjukkan di dalam Akaun Untung Rugi.
M26	PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN	Amaun F1 dari Helaian Kerja HK-1, HK-1C, HK-1D atau HK-1E
M27 – M30	ASET TETAP	Nilai buku bersih seperti dalam Kunci Kira-Kira.
M32	PELABURAN	Kos pelaburan dan simpanan tetap.
M33 – M38	ASET SEMASA	Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira.
M41 – M43	LIABILITI	Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira.

M45	AKAUN MODAL	Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira.
M46	BAKI AKAUN SEMASA BAWA HADAPAN	Baki hantar hadapan daripada tahun lepas tidak termasuk modal.
M47	UNTUNG / RUGI TAHUN SEMASA	Jumlah seperti dalam Akaun Untung Rugi.
M48	AMBILAN / PENDAHULUAN (Bersih)	Ambilan tunai atau ambilan stok untuk kegunaan sendiri atau pendahuluan tunai dalam tahun semasa.
M49	BAKI AKAUN SEMASA HANTAR HADAPAN	Amaun M46 hingga M48

#### **AKUAN**

Borang nyata yang tidak diperakui dan ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan akan dikembalikan semula kepada tuan. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengembalikan semula borang nyata ini kepada LHDNM.

#### **MAKLUMAT FIRMA DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI**

Bahagian ini perlu diisi, diperakui dan ditandatangani oleh ejen/wakil cukai yang menyediakan borang nyata ini.

JADUAL CUKAI				
KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (a)	PENGIRAAN RM (b)	KADAR % (c)	CUKAI RM (d)
A	0 - 2,500	2,500 pertama	0	0
B	2,501 - 5,000	2,500 berikutnya	1	25
C	5,001 - 10,000	5,000 pertama 5,000 berikutnya	3	25 150
D	10,001 - 20,000	10,000 pertama 10,000 berikutnya	3	175 300
E	20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	7	475 1,050
F	35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	12	1,525 1,800
G	50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	19	3,325 3,800
H	70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	24	7,125 7,200
I	Lebih 100,000	100,000 pertama setiap ringgit berikutnya	26	14,325 .....

KOD NEGARA					
Sebahagian negara-negara yang dikenal pasti. Tuan boleh merujuk kepada Lampiran E Buku Panduan Borang B untuk mendapatkan senarai lengkap.					
Nama Negara	Kod Negara	Nama Negara	Kod Negara	Nama Negara	Kod Negara
Australia	AU	Iran (Islamic R.O.)	IR	Philippines	PH
Bangladesh	BD	Iraq	IQ	Saudi Arabia	SA
Brunei	BN	Japan	JP	Singapore	SG
Cambodia	KH	Korea, D.P.R.	KP	South Africa	ZA
Canada	CA	Korea, R.O.	KR	Sri Lanka	LK
China	CN	Laos, D.P.R.	LA	Taiwan	TW
Denmark	DK	<b>Malaysia</b>	<b>MY</b>	Thailand	TH
Hong Kong	HK	Myanmar	MM	United Kingdom	GB
India	IN	New Zealand	NZ	United States	US
Indonesia	ID	Pakistan	PK	Vietnam	VN

Nota: R.O. = Republic of;

D.P.R. = Democratic People's Republic of

<b>KOD TUNTUTAN</b>	
<b>TUNTUTAN / PERBELANJAAN KHAS</b>	
<b>Kod</b>	<b>Tuntutan</b>
101	Peralatan untuk pekerja kurang upaya, atau belanja pengubahsuaian/penambahbaikan premis perniagaan bagi kemudahan pekerja kurang upaya
102	Terjemahan atau penerbitan buku yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
103	Perbelanjaan perpustakaan (maksimum RM100,000)
104	Perbelanjaan kebajikan
105	Perbelanjaan pusat penjagaan kanak-kanak untuk pekerja sendiri
106	Penubuhan kumpulan kesenian yang diluluskan
107	Perbelanjaan menaja aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan serta negara-negara asing: <ul style="list-style-type: none"> <li>• terhad RM500,000 bagi keseluruhan perbelanjaan</li> <li>• terhad RM200,000 bagi penajaan kesenian, kebudayaan dan warisan dari negara asing</li> </ul>
110	Perbelanjaan penyelidikan saintifik
114	Potongan bagi perbelanjaan berhubung dengan teknologi maklumat
116	Sumbangan bagi membiayai perubatan atau rawatan penyakit serius
117	Latihan amali kepada individu bukan pekerja
120	Pelaburan dalam syarikat modal teroka
121	Hadiah komputer peribadi baru dan fi langganan jalur lebar bulanan kepada pekerja
122	Kos membangunkan laman jaring
137	Potongan bagi pelaburan dalam syarikat berstatus BioNexus
140	Potongan bagi perbelanjaan sebelum memulakan perniagaan yang berhubung dengan pengambilan pekerja
141	Potongan bagi manfaat dan pemberian daripada majikan kepada pekerja
142	Potongan bagi pelaburan dalam projek penyatuan pengurusan kebun kecil dan tanah terbiar yang diluluskan
144	Perbelanjaan pendaftaran cap dagangan dan paten
146	Potongan bagi sumbangan kepada Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat (Kumpulan Wang PPS)
<b>POTONGAN SELANJUTNYA</b>	
<b>Kod</b>	<b>Tuntutan</b>
201	Premium insurans bagi pengimportan kargo
202	Penggajian bagi pekerja kurang upaya
204	Premium insurans bagi pengeksportan kargo
205	Bayaran pengangkutan bagi eksport keluaran berasaskan rotan dan kayu
208	Premium insurans bagi kredit eksport
212	Potongan bagi bayaran pengangkutan dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung Malaysia
216	Potongan bagi promosi Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia
217	Potongan bagi perbelanjaan berhubung dengan saraan pekerja
218	Potongan bagi kos latihan kepada pekerja
219	Potongan premium bagi insurans kredit eksport berasaskan konsep takaful
<b>POTONGAN DUA KALI</b>	
<b>Kod</b>	<b>Tuntutan</b>
301	Perbelanjaan hasil untuk penyelidikan yang diluluskan
302	Bayaran bagi penggunaan perkhidmatan institut atau syarikat penyelidikan yang diluluskan, syarikat penyelidikan dan kemajuan atau syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak
306	Perbelanjaan untuk menggalakkan eksport perkhidmatan profesional



HK-3:

## TOLAKAN CUKAI SEKSYEN 51 AKTA KEWANGAN 2007 (DIVIDEN)

Nama																														
No. Cukai Pendapatan											No. K/P																			
Tahun Taksiran					No. Pendaftaran Perniagaan																									

Kemukakan Helaian Kerja ini jika tuan layak menuntut bayaran balik (Gunakan HK-3 berasingan bagi dividen yang perlu dikasarkkan semula)

## A. Senarai pendapatan dividen:

Bil.	Tarikh Bayaran	Bagi Tahun Berakhir	No. Waran / No. Siri	Nama Syarikat	Dividen Kasar		Kadar Cukai	Cukai Dipotong		Dividen Bersih	
					RM	sen		RM	sen	RM	sen
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
8											
9											
10											
11											
12											
13											
14											
15											
<b>JUMLAH DIVIDEN BERSIH</b>											
<b>Jumlah Dikasar Semula</b>											

X [ amaun dari B(i) ]

Y [ amaun dari B(ii) ]

Nota: Teruskan pengiraan di muka surat sebelah jika kadar cukai dipotong mengikut baucar / sijil dividen yang diterima berlainan dengan kadar cukai tahun taksiran semasa

**B. Pengiraan dividen dikasarkan dan cukai dipotong**

Jika kadar cukai dipotong mengikut baucar / sijil dividen yang diterima berlainan dengan kadar cukai tahun taksiran semasa, sila gunakan formula berikut untuk mendapatkan jumlah dividen yang dikasarkan semula dan cukai dianggap telah dipotong:-

(i) Dividen dikasar semula **(X)**

$$\begin{aligned} &= \text{Dividen bersih} \quad \times \quad \frac{1}{(1 - Z^*)} \\ &= \frac{\text{Dividen bersih}}{(1 - Z^*)} \\ &= \quad \mathbf{(X)} \end{aligned}$$

(ii) Cukai dianggap telah dipotong **(Y)**

$$\begin{aligned} &= \quad \mathbf{X} \\ &= \quad \mathbf{(Y)} \end{aligned} \quad \times \quad \mathbf{Z^*}$$

\* Di mana Z ialah kadar cukai tahun taksiran semasa syarikat

**C. Pengiraan Pendapatan Berkanun Dividen**

(i) Dividen Kasar **(X)**

**Tolak:**

(ii) Faedah atas pinjaman yang dilakukan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan dividen tersebut

(iii) Pendapatan Berkanun

**D. Seksyen 51 Akta Kewangan 2007 (Dividen)**

*(amaun Y di atas)*